

## Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia

### Liberalism and the Thoughts of Muslim Leaders in Malaysia

AHMAD MUNAWAR ISMAIL  
ZAKARIA STAPA

#### ABSTRAK

*Pemikiran liberal adalah aliran pemikiran yang berjuang untuk hak kebebasan bersuara dan hak kebebasan beragama. Pemikiran ini dilihat memberi ancaman kepada keharmonian beragama kerana pentafsiran yang dibuat dalam hal berkaitan agama bergantung kepada perspektif rasional dan kontekstual. Tulisan ini memberi fokus kepada perbincangan epistemologi pemikiran liberal dan hubungannya dengan aliran pemikiran pemimpin Muslim di Malaysia. Menggunakan kaedah kualitatif, kajian ini turut melibatkan kaedah temu bual kepada seramai enam belas orang informan daripada kalangan pemimpin negara, pemimpin masyarakat dan pemimpin Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melihat realiti pemikiran ini dalam konteks Malaysia. Informan telah disampelkan menggunakan strategi persampelan bertujuan yang memfokuskan kepada keperluan untuk memperolehi maklumat dengan lebih fokus dan terbuka. Hasil kajian menunjukkan pemikiran liberal ini mempunyai analogi ilmu yang sangat panjang. Ia dipengaruhi oleh kepelbagaian keadaan sejarah dan kondisi negara termasuk pengaruh aristokrasi, industrialisasi dan agama. Pemikiran liberal juga adalah asas kepada ketamadunan sekular yang muncul kesan daripada bantahan golongan cendekiawan Barat terhadap sikap dan ideologi pembesar agama Kristian. Jelasnya, pemikiran liberal adalah acuan Barat dan kesannya dapat dilihat pada cara hidup dan budaya masyarakat Barat sekarang. Apa yang membimbangkan, hasil kajian juga menunjukkan pemikiran ini telah meresap masuk ke dalam pemikiran sebahagian rakyat Malaysia khususnya daripada kalangan pemimpin Muslim. Metode berfikir menurut kaedah ini perlu ditangani secara holistik kerana pemikiran beracuan liberal ini mampu menjejaskan metode berfikir umat Islam pelbagai latar belakang. Implikasinya, akan muncul pelbagai gerakan yang mendakwa mereka membawa panji-panji Islam padahal prinsip-prinsip yang ditegakkan bersifat ekstrem dan bertentangan sama sekali dengan prinsip ajaran Islam.*

*Kata kunci: Liberalisme; Pemikiran Islam; Islam Liberal; Fundamentalis; Ekstremisme*

#### ABSTRACT

*Liberal thinking is a stream of thought that fights for the right of freedom of speech and the right of freedom of religion. This thinking is seen as a threat to religious harmony due to the interpretations made concerning religious matter depending on the rationale and contextual perspectives. This paper focuses on the epistemological debate on liberal thought and its relationship with the Muslim schools of thought leaders in Malaysia. Using the qualitative methods, this study also includes the method of interviewing sixteen informants among national leaders, community leaders and non-governmental organizations (NGOs) to view the reality of this thinking in the Malaysian context. The informants have been sampled by using purposive sampling strategies to gain clear and direct informations. The result of this study shows that liberal thinking is a knowledge that has a long history of science. It is influenced by a variety of historical and state conditions including the influence of aristocracy, industrialization and religion. Liberal thought is also a basic of secular civilization that stems from Western scholars who opposed the attitudes and ideologies of the Christian religion's leaders. It is clear that liberal thinking is a Western's mold and its effect can be seen in the way of life and culture of Western society today. The concern is, the finding shows that this thinking has infiltrated the minds of some Malaysians especially among Muslim leaders. This method of thinking needs to be dealt holistically as this liberal thinking may affect the way of Muslims' thinking from different backgrounds. The implication may appear in various forms of movements claiming that they carry Islamic symbols while their principles are extreme in nature and completely contrary to the true principles of Islamic teaching.*

*Keywords: Liberalism; Islamic Thought; Liberal Islam; Fundamentalist; Extremism*

## PENGENALAN

Terdapat pelbagai aliran pemikiran yang wujud sepanjang sejarah kemanusiaan. Perbezaan ini berlaku kesan daripada kewujudan pelbagai bangsa, budaya, agama dan latar belakang yang ada pada setiap manusia. Di sisi agama, Islam mengajar manusia menghormati perbezaan tersebut selagi mana aliran pemikiran itu tidak menjejaskan pemikiran dan kepercayaan umat Islam pada Allah SWT. Dalam surah al-Maidah ayat 48, Allah SWT menegaskan, jika Dia mengkehendaki, Dia berkuasa untuk menghimpunkan semua manusia itu dalam satu umat sahaja tapi Allah SWT sengaja mencipta kepelbagaian ini sebagai ujian kepada umat Islam yang pada mereka itu telah diturunkan al-Quran sebagai petunjuk yang mutlak kepada kebenaran yang mesti dipegang. Allah SWT juga menjelaskan kaedah bagaimana menghadapi perbezaan pandangan antaranya termasuklah pada firmanNya dalam surah al-An‘am ayat 108, yang bermaksud,

Dan janganlah kamu memaki ilah-ilah yang mereka ibadahi selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Rabb merekalah kembali mereka, lalu Allah SWT memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.

Metode ini diulang dalam hadis Nabi SAW yang diriwayatkan dari Abdillah bin Amru bin al-Ash RA, dia berkata: bahawa Rasulullah SAW bersabda, “di antara dosa-dosa besar iaitu, seorang mencela kedua orang tuanya.” Ditanyakan pada beliau, “Mungkinkah seorang itu mencela kedua orang tuanya sendiri?,” Rasulullah SAW bersabda, “Ya, tatkala seseorang mencela ayah orang lain, bererti ia mencela ayahnya sendiri demikian jika ia mencela ibu orang lain, bererti ia mencela ibunya sendiri” (al-Bukhari 1400H, Kitab al-Adab. Hadis no. 5973). Jelasnya, Islam mengkehendaki kita berhati-hati bila berhadapan dengan perbezaan pandangan. Hormati perbezaan pemikiran selagi mana perbezaan tersebut tidak menjejaskan atau memberi ancaman kepada Islam dan umatnya. Dalam hal ini, satu daripada pelbagai aliran tersebut adalah aliran pemikiran liberal. Pemikiran ini bukan berasal daripada Islam. Ia adalah sepenuhnya acuan Barat dan muncul reflek daripada ketidakpuasan hati golongan intelektual barat terhadap sikap dan pegangan pembesar agama mereka (paderi) pada zaman yang digelar zaman kegelapan Barat (Dark Age). Tulisan ini akan mengupas aliran pemikiran liberal daripada perspektif konsep, sejarah, karakter dan seterusnya melihat sejauhmana aliran pemikiran ini wujud dalam pemikiran pemimpin Muslim di Malaysia.

## LIBERAL DAN LIBERALISME

Liberal berasal daripada perkataan Latin iaitu *liber*, *liberalis* atau *liberal* yang bermaksud bebas, tidak terikat, progresif, reformis atau radikal (Oxford Dictionaries 2018). Berfikir secara liberal bermaksud berfikir secara bebas dan terbuka, bertoleransi, berfikiran luas dan tidak jumud (tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran). Ia juga disebut sebagai suatu struktur pemikiran yang mencakupi hampir seluruh aspek kehidupan manusia termasuk sosial, budaya, politik, pendidikan, ekonomi dan agama (Andian Husaini 2006). Dari perspektif teologi, liberal bermaksud berfikir untuk bebas daripada kepercayaan tradisi, atau berfikir bahawa ajaran bersifat tradisi perlu diubah kerana didapati tidak lagi sesuai dengan pemikiran moden (Oxford Dictionaries 2018). Bagi Angel (2007), seseorang yang liberal adalah seorang moderat, iaitu bersedia menerima ideologi, budaya dan peradaban Barat serta bersedia melepaskan diri dari ideologi, budaya dan peradaban yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Barat.

Terma liberal ini menjadi asas kepada liberalisme. Namun, tidak ada satu definisi yang tepat yang boleh diberi kepada liberalisme ini kerana pemaknaannya berbeza mengikut konteks dan kecenderungan seseorang individu atau kumpulan. Secara umum, liberalisme boleh diertikan sebagai seorang individu yang berfahaman liberal, atau seorang yang berpandangan bebas dan berfahaman demokrasi dalam semua aspek termasuk agama, ekonomi, ideologi dan politik. Individu yang berfahaman liberal lazimnya percaya bahawa semua manusia memiliki hak dan kesaksamaan dalam bersuara dan bertindak serta bebas daripada kekangan agama dan ideologi (Oxford Dictionary of Philosophy 2001).

Dari sudut politik, liberalisme adalah pemikiran berpusat pada individu yang dianggap sebagai memiliki hak dalam pemerintahan, termasuk persamaan hak yang dihormati, hak berekspresi dan bertindak serta bebas dari ikatan-ikatan agama dan ideologi (Blackburn, S. 1996). Dalam konteks sosial, liberalisme diertikan sebagai suatu etika sosial yang membela kebebasan (*liberty*) dan persamaan (*equality*) secara umum (Coady, J. & Huckin, T. 1997). Liberalisme juga merujuk kepada maksud individu sebagai pencipta dan penentu tindakan. Dengan maksud, kejayaan dan kegagalan seseorang itu ditentukan oleh tindakan dan pilihannya sendiri yang memilih tindakan tersebut. Hakikatnya, manusia memiliki kebebasan dalam hidupnya di mana manusia adalah peribadi yang bebas (Ridha

Aida 2005). Liberalisme daripada perspektif agama bermaksud pemikiran yang cuba membebaskan Islam dari sebarang ikatan syarak dengan cara mentafsir, mengolah atau menafikan apa sahaja dalil syara' agar bersesuaian dengan pemikiran yang berteraskan falsafah Barat. Formatifnya mencakupi segenap aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan, agama dan sosial. Ia berpegang kepada konsep rasional, keterbukaan dan kebebasan intelektual (Asri et al. 2006; Wan Adli Wan Ramli 2012). Kumpulan pemikir ini berhujah menggunakan hak-hak asasi manusia dan bukti penemuan saintifik sebagai ukuran dan orientasi untuk menolak segala penafsiran daripada agama sekiranya ia bertentangan dengan pemikiran mereka (Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar 2011). Menurut Abbas Mansur Tammam (2016) liberalisme adalah kritikan terhadap ajakan untuk mengakui syariat sebagai dasar hukum. Kumpulan ini memiliki agenda untuk membebaskan manusia dari berbagai dominasi yang dianggap menjerat kebebasan ekspresi dan kehendak seperti halal-haram, boleh-tidak boleh, dianggap sebagai gangguan utama untuk kebebasan manusia. Kerana dalam liberalisme, produk hukum sepenuhnya diserahkan pada kehendak rakyat. Dalam tulisan ini, takrifan umum dan takrifan daripada perspektif teologi dan agama adalah asas kepada perbincangan mengenai isu-isu liberalisme yang menjadi topik kajian dan perbincangan.

#### ENLIGHTENMENT@ZAMAN PENCERAHAN, SEKULARISME DAN LIBERALISME

Suatu hakikat yang perlu diakui adalah, ideologi dan amalan fahaman liberal ini berkait rapat dengan gerakan reformasi utama dan penting di Eropah. Kewujudan fahaman ini dipengaruhi oleh kepelbagaian keadaan sejarah dan kondisi negara termasuk kekuatan dan kekuasaan pemerintahan, pengaruh aristokrasi, revolusi industri dan faktor agama. Liberalisme di negara-negara Roman Katolik seperti Perancis, Itali, dan Sepanyol lebih bersifat anti keagamaan dan cenderung kepada mengekang pihak berkuasa awam dan kuasa politik daripada memanipulasi agama (Ensklopedia Britannica 2016). Refleksi daripada kecenderungan tersebut dinamakan sebagai zaman pencerahan atau *age of Enlightenment*. Era ini adalah satu fasa dalam kebudayaan hidup dan falsafah Barat yang berlaku sekitar abad ke-17 dan 18 Masehi. Bermula di Jerman, Perancis dan Britain, pergerakan ini menular ke seluruh Eropah, termasuk Russia dan Skandinavia. Istilah ini berkait rapat dengan kemajuan intelektual dan falsafah pada zaman

itu dan kesannya terhadap pembentukan semula moral dan sosial. Perbahasannya adalah tentang memberi hak kepada manusia untuk bebas berfikir dan membuat sintesis mengenai perkara-perkara berkaitan ketuhanan, kemanusiaan dan alam semula jadi secara rasional dan kontekstual supaya dengannya manusia boleh memperbaiki kehidupan dan menentukan hala tuju kehidupan mereka sendiri. Era ini telah dibentuk melalui aspirasi politik berkaitan penyatuan kerajaan, penciptaan negara dan hak yang lebih baik untuk orang kebanyakan. Idea ini zahir daripada inisiatif pemikir Eropah untuk menggantikan kekuasaan golongan aristokrat dan manipulasi gereja melalui pemisahan kuasa *legislative* dan eksekutif daripada cengkaman gereja (Manent 1995).

Al-Attas (2014) telah menggambarkan hal-hal berkaitan era pencerahan ini sebagai sekularisme. Benih fahaman liberal telah muncul di waktu ini. Sekularisme menurut beliau, adalah proses pemisahan antara gereja dan negara serta proses pemisahan antara kekuasaan keagamaan dengan urusan dunia. Fahaman ini adalah usaha keras ahli falsafah Barat untuk mengikis status quo ajaran-ajaran agama dalam sistem politik dan sosial. Faktor utama yang mendorong usaha ini adalah kekeliruan kepada ajaran agama Kristian yang bercampur aduk dan manipulasi gereja terhadap kepentingan rakyat. Fahaman ini berusaha menggambarkan kepada masyarakat bahawa umat Kristian, pemikir, ahli teologi dan sarjana Kristian telah salah dalam menafsir kitab Injil. Pada masa yang sama, perkembangan fahaman liberalisme ini menjadi lebih pesat apabila berlaku ketidakstabilan politik, sosial, ekonomi dan agama pada ketika itu. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kemunculan tokoh-tokoh pemikir liberal seperti John Locke (1634-1704), Immanuel Kant (1724-1804), Adam Smith (1723-1790), Tomas Paine (1737-1809) dan John Stuart Mill (1806-1873). Tokoh-tokoh tersebut membawa perubahan kepada masyarakat Eropah dengan mengetengahkan idea-idea pembaharuan dan pembebasan yang baru pada ketika itu. Idea pembaharuan ini boleh dilihat dalam karya-karya mereka seperti yang terdapat dalam karya tulisan John Locke, "Two Treatises of Government" yang diterbitkan di London oleh Whitmore, Fenn and C. Brown pada tahun 1821. Hakikatnya, sejarah dalam revolusi Eropah ini memberi kesan yang besar khususnya pada pertembungan aliran pemikiran dalam dunia Islam sehingga ke hari ini dan menjadi sebab kepada kemuculan apa yang disebutkan sebagai pemikir pembaharuan dalam Islam atau Islam Liberal (Samuel 1997).

## ISLAM LIBERAL

Satu daripada label popular yang menjadi topik perbincangan pemikiran Islam di Malaysia adalah Islam Liberal. Apakah dia Islam Liberal? Tidak ada istilah yang tepat dalam menghuraikan terma ini. Istilah Islam Liberal ini pertama kali diperkenalkan oleh Asaf Ali Ashgar Fyzee (1959) di dalam artikelnya “The Reinterpretation of Islam” bagi menggantikan istilah Islam Protestan. Islam Protestan pula adalah satu istilah yang dibangkitkan oleh kumpulan berfikiran liberal yang cuba mengaitkan apa yang terjadi dalam tradisi Kristian di Eropah dengan gerakan reformis Islam. Walau bagaimanapun agak sukar untuk mencari huraian yang tepat tentang kaitan ini memandangkan perbincangan mengenainya seperti terhenti.

Dua tokoh yang sering disandarkan dalam mana-mana kajian mengenai Islam Liberal di Malaysia adalah Leonard Binder dan Charles Kurzman. Istilah Islam Liberal telah diguna pakai di dalam buku Leonard Binder (1988), iaitu “Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies” yang diterbitkan oleh University of Chicago Press dan Charles Kurzman (1998) dalam bukunya “Liberal Islam: The Source Book” yang diterbitkan oleh Oxford University Press, New York.

Leonard Binder (1988:1) menyatakan, Islam Liberal bermaksud individu atau kumpulan umat Islam yang berpegang kepada pentafsiran tidak tekstual terhadap al-Quran, ertinya pentafsiran al-Quran mesti berasaskan kepada pencarian inti pati maksud ayat, bukan kepada apa yang tersurat dalam teksnya. Pencarian seperti ini dianggap dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman. Pentafsiran ini dilihat oleh sebahagian intelektual sebagai usaha beliau untuk mengaitkan apa yang berlaku pada agama Kristian di Barat dengan agama Islam. Dalam hal ini, Leonard Binder (1988: 2) menjelaskan, Barat telah salah faham terhadap idea liberalisme yang diperkenalkan. Menurut beliau, apa yang hendak dibawa olehnya adalah Konsep Politik Liberal. Konsep ini antara lain adalah untuk memupuk sikap saling hormat menghormati antara penganut agama Kristian dengan penganut agama lain yang bukan daripada kepercayaan Kristian. Sikap ini boleh dicapai melalui proses wacana intelektual yang disertai masyarakat daripada pelbagai agama dan kepercayaan dalam sebuah negara yang majmuk. Tujuannya adalah untuk mencari titik temu yang boleh digunakan untuk menjamin keharmonian beragama dan perpaduan dalam sesebuah negara. Politik liberal hanya boleh dicapai apabila negara berkaitan telah

terlebih dahulu menerapkan corak pemikiran liberal (liberal thought) kepada masyarakat di negaranya. Pemikiran liberal adalah pemikiran yang berasaskan rasional atau pemikiran yang bertentangan dengan pemikiran tradisional atau berbeza sama sekali dengan pemikiran fundamentalis. Menurut Binder, pemikiran tradisional atau fundamental ini adalah pemikiran yang berasaskan kepercayaan dan kecenderungan kepada ideologi dan pengetahuan tertentu. Ia tidak bersifat objektif kerana tidak melalui proses pengujian dan pada masa yang sama mempunyai keberangskalian untuk menolak rasional yang padanya adalah sumber pengetahuan yang paling jelas. Ibrahim Abu Rabi’ dalam komentarnya terhadap buku Binder ini pun menyimpulkan hal yang sama dengan memetik kenyataan Leonard Binder (1988) seperti berikut,

Binder maintains that liberalism is not only rational, universal, and politically feasible, but that is the only alternative to the political and moral predicament of the Third World, especially the Muslim World.

Menurut Ibrahim (1994), Binder dalam bukunya konsisten dalam mempertahankan pendapatnya bahawa liberalisme bukan semata-mata isu rasional, universal atau secara politiknya mudah untuk dilaksanakan, tetapi merupakan satu alternatif penyelesaian kepada negara-negara membangun Islam untuk menyelesaikan masalah politik dan moral negara mereka.

Tokoh kedua yang sering menjadi sandaran penyelidik mengenai Islam Liberal adalah Charles Kurzman. Berbeza dengan Binder, Kurzman (1998) melihat Islam Liberal ini daripada perspektif yang lebih luas merangkumi isu-isu politik, demokrasi, ekonomi, hak-hak asasi manusia, kesetaraan gender, prinsip pentafsiran agama, pluralisme, kebebasan berfikir, penentangan terhadap teokrasi, hak-hak perempuan, hak-hak non-Muslim, kebebasan berfikir, dan gagasan tentang kemajuan.

Bagi Kurzman (1998: xvi), ada dua varian pemikiran dalam kalangan umat Islam, pertama, Islam adat iaitu kumpulan masyarakat Islam yang menggabungkan adat (kebiasaan) daerah dengan kebiasaan umum yang berlaku di dunia Islam. Dalam hal ini, doktrin-doktrin Islam yang universal dikombinasikan dengan adat-istiadat setempat. Istilah ini juga disebut sebagai “Islam Tradisional,” dan kedua, Islam revival atau apa yang disebut sebagai Islamisme, Fundamentalisme dan Wahabisme. Pemikiran ini dianggap sebagai pemikiran yang menyerang interpretasi adat yang kurang memberi perhatian terhadap inti doktrin Islam. Islam *revival* ini cenderung kepada amalan tekstualis dan Arabisme. Justeru, Islam Liberal menurut beliau adalah individu



atau kumpulan umat Islam yang bersikap kritis terhadap adat dan tradisi Islam yang selama ini dikatakan menjadi faktor kepada kemunduran umat Islam. Mereka juga memiliki hasrat menjadikan umat Islam lebih maju dengan menerapkan nilai-nilai Islam yang selari dengan nilai-nilai liberalisme Barat.

Jelasnya, pandangan daripada kedua-dua tokoh dalam kedua-dua karya mereka mengenai Islam Liberal boleh dinyatakan seperti berikut,

1. Kedua-dua tokoh ini sependapat mengatakan asas kepada pemikiran Liberal ini adalah rasional dan kebebasan individu. Cara berfikir seperti ini adalah kesan daripada apa yang berlaku dalam sejarah dan zaman kegelapan Eropah ketika berhadapan dengan rejim autoriti gereja sama seperti yang telah disebutkan sebelum ini.
2. Pemikiran berasaskan rasional dan kebebasan individu ini berkembang melalui dasar dan dominasi pemikiran sekularisme (memisahkan agama dengan urusan dunia) yang disifatkan mereka sebagai faktor penting kepada kemajuan sesebuah negara termasuk dunia Islam.
3. Kedua-dua tokoh ini juga sependapat bahawa kumpulan anti liberal ini adalah kumpulan yang berfikir secara skriptural atau tekstual terhadap teks-teks agama tanpa mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan teks seperti konteks dan latar belakang teks.
4. Kedua-dua tokoh ini meletakkan gelaran tertentu kepada kumpulan anti liberal misalnya Binder melabelkan kumpulan anti liberal ini sebagai “Islam tradisionalis” atau “Islam fundamentalis,” manakala Kurzman pula menyebutnya sebagai “Islam revivalis” atau “Islamis” atau “Wahabi.”

Daripada perspektif penyelidikan di Malaysia, satu kesimpulan yang boleh dibuat mengenai Islam liberal adalah konsepnya tidak banyak berbeza dengan maksud Islam liberal yang dianjurkan Barat. Bagi penyelidik Islam liberal di Malaysia, indikator rasional dan kebebasan individu yang menjadi asas kepada kefahaman ini adalah bertentangan sama sekali dengan prinsip dan ajaran Islam. Usaha kumpulan ini untuk bertindak “bebas” (tanpa kawalan mana-mana pihak) dalam semua perkara termasuk hak beragama dan hak berakidah adalah cubaan mereka untuk mengelirukan umat Islam dan membawa rakyat negara ini kepada krisis kemanusiaan yang dialami disembunyikan oleh masyarakat Barat pada ketika ini. Sepertimana yang kita maklum, Islam daripada semua perspektif sama ada akidah, syariah dan akhlak mempunyai prinsip-prinsip yang tersendiri, adab dan peraturan yang ketat tapi luwes yang secara asasnya

adalah mudah tetapi tidak semudah yang difikirkan manusia (Ahmad Munawar, Wan Kamal & Zaizul 2018). Dalam hal ini, Seyyed Hussein Nasr (1988) berpendapat, Walau dalam bentuk apa pun wacana ini diketengahkan sama ada liberal atau antiliberal; tradisi atau kemodenan, islah atau tajdid, al-turath wa al-hadathah, al-asalah wa al-mu’asirah, Islam and secularisme, kesemuanya merujuk kepada satu inti perbincangan, iaitu bagaimana kita umat Islam berusaha bersungguh-sungguh mempertahankan tradisi kita dalam mendepani arus pemikiran yang datang bersama-sama dengan Peradaban Barat.

### ISLAM DAN TEMA PENTING PEMIKIRAN LIBERAL

Perbincangan mengenai liberal, liberalisme dan Islam liberal daripada pelbagai perspektif pada awal tulisan ini membawa kita kepada pembentukan tema-tema tertentu yang boleh dikaitkan sebagai parameter dalam menentukan kebarangkalian seseorang individu itu memiliki pemikiran liberal atau sebaliknya. Dalam perbincangan berkaitan tema ini, tulisan ini hanya akan menjelaskan tema-tema penting yang boleh dikaitkan antara Islam dengan pemikiran liberal. Pemikiran liberal dalam konteks lain seperti politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain selain Islam tidak disentuh dalam perbincangan seterusnya. Antara tema-tema penting yang kita boleh senaraikan adalah seperti berikut (Ayoub 1984; Binder 1988; Kurzman 1998, Zakaria Stapa et al. 2018; Ahmad Munawar, Wan Kamal & Zaizul 2018);

1. Pemikir liberal adalah seorang yang berfikir bahawa semua manusia memiliki hak dan kesaksamaan dalam bersuara dan bertindak.
2. Pemikir liberal adalah seorang berfikir bebas atau seseorang yang berfikir bahawa pemikiran manusia tidak boleh terikat dengan satu aliran pemikiran pada semua struktur kehidupan manusia termasuk sosial, budaya, politik, pendidikan, ekonomi dan agama. Daripada perspektif agama khususnya, pemikir liberal berpandangan bahawa manusia mesti membebaskan dirinya daripada kepercayaan tradisi kerana ajaran tradisi tidak boleh disesuaikan pada semua zaman.
3. Daripada perspektif agama, pemikir liberal adalah seorang yang boleh berkompromi dengan syarak dengan cara mentafsir, mengolah atau menafikan bukti-bukti syarak yang tidak selari dengan dengan pemikiran dan falsafah Barat.
4. Daripada perspektif agama pemikir liberal adalah seorang yang berfikir bahawa kebenaran adalah

bersifat relatif atau Nisbi. Kebenaran tidak boleh didakwa dimiliki secara mutlak oleh mana-mana pihak atau dengan kata lain tidak ada keputusan yang mutlak dalam hal-hal berkaitan moral (benar atau salah). Benar atau salah adalah bergantung kepada pengamatan masing-masing berdasarkan budaya dan masyarakat dalam persekitaran mereka.

5. Daripada perspektif agama pemikir liberal menolak autoriti agama dan memberi kebebasan kepada setiap individu untuk berjihad dalam apa jua permasalahan berkaitan agama.
6. Pemikir liberal berpendapat pentafsiran semula al-Quran adalah perlu dan mesti dilakukan tanpa perlu terikat mana-mana dengan disiplin-disiplin ilmu yang berkaitan seperti Asbab Nuzul, Nasikh wa al-Mansukh, tafsiran Rasulullah, para sahabat dan sebagainya.
7. Pendukung pemikiran liberal berpandangan sunnah Rasulullah SAW hanya relevan untuk masyarakat Arab di zaman Baginda dan ketinggalan untuk dipraktikkan pada zaman kini.
8. Pendukung pemikiran liberal ini berpandangan Syariah perlu mengutamakan kebebasan dan keperluan manusia kerana pelaksanaan Syariah itu akan berbeza apabila diketengahkan ke dalam masyarakat yang berbeza dan pelbagai. Oleh kerana itu, Syariah perlu tidak melanggar hak asasi manusia.

Parameter ini adalah indikator yang boleh menentukan sama ada seseorang itu mempunyai kebarangkalian berfikir secara liberal atau sebaliknya. Namun untuk maksud yang lebih dalam, atau untuk mengatakan di sini bahawa mereka yang memiliki elemen pemikiran liberal sebagai Islam liberal, atau Muslim liberal atau Individu yang cuba menyebarkan fahaman liberal Baat bukanlah daripada kelayakan penulis. Tulisan ini hanya menjelaskan dapatan kajian tentang kewujudan atau ketidakwujudan elemen-elemen liberal dalam pemikiran informan yang telah dipilih menjadi peserta kajian.

#### METODE KAJIAN

Secara khusus, kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Kaedah lazim seperti analisa kandungan, analisa dokumen dan temu bual telah digunakan sebagai medium pengumpulan data dapatan penyelidikan. Informan telah disampelkan mengikut pensampelan bertujuan. Seramai 16 orang informan telah ditemu bual. Mereka adalah

daripada kalangan pemimpin negara, pemimpin masyarakat dan pemimpin Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia. Data daripada tembual ini dirakam, dijadikan transkrip verbatim dan dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Analisis tematik melibatkan bacaan secara berkaedah terhadap transkrip verbatim dan mengasing serta mengekod teks transkrip kepada kategori yang menonjolkan apa yang dibincangkan oleh kumpulan fokus. Teks transkrip yang telah dikategorikan tadi dinilai, dibandingkan dan diinterpretasi serta sebarang persamaan atau perbezaan dicatatkan. Kategori ini digabungkan dan diberikan tema utama. Semua teks yang berkaitan dengan idea tematik dikaji secara serentak untuk mendapatkan pola dan kaitan, manakala kes yang berbeza dibandingkan dengan cara yang sama.

#### DAPATAN KAJIAN

Tidak seperti di negara Indonesia, belum ada mana-mana individu atau kumpulan atau mana-mana pertubuhan di Malaysia yang secara jelas menamakan ideologi dan fahaman perjuangan mereka dengan menggunakan terma liberal. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna aliran pemikiran ini tidak wujud di Malaysia. Jika kita meneliti kembali elemen-elemen penting yang lazim dikaitkan dengan liberal atau liberalisme atau Islam liberal sebagaimana yang ditulis di pertengahan tulisan ini, kita akan dapati dengan mudah di mana-mana di lapangan atau di media massa apatah lagi di media sosial bahawa aliran pemikiran seperti ini wujud dan berkembang di negara kita (Ahmad Munawar, Wan Kamal & Zaizul 2018). Untuk membolehkan kefahaman mengenai idea ini atau kewujudan aliran ini dalam pemikiran pemimpin muslim di negara kita, penulisan mengenai dapatan kajian akan menghuraikan mengikut tema dan subtema yang telah dibentuk. Tema dan subtema ini adalah seperti berikut,

- A. Tema umum
  - a. Liberal dan liberalisme daripada perspektif bahasa dan istilah.
  - b. Liberal dan liberalisme daripada perspektif agama dan teologi.
- B. Sekularisme
  - a. Menolak autoriti agama.
  - b. Memisahkan agama dengan urusan dunia.
- C. Hak Asasi Manusia
  - a. Relativisme
  - b. Hak kebebasan bersuara.
  - c. Hak Kesaksamaan bertindak.

D. Agama dan Transformasi

- a. Tafsiran semula al-Quran.
- b. Bebas daripada kepercayaan dan ikatan tradisi.
- c. Semakan semula sunnah sebagai sumber hukum.

A. Tema Umum

Analisa dapatan kajian bagi subtema pertama iaitu, konsep umum liberal dan liberalisme daripada perspektif bahasa dan istilah mendapati hampir semua informan berpendapat keperluan berfikir secara liberal adalah suatu yang tidak boleh dielakkan. Pandangan ini disokong dengan hujah bahawa dunia sekarang atau sistem bernegara dulu dan sekarang bergerak dalam suasana politik bilateral dan multilateral yang mana kedua-duanya memerlukan kita berhubung dan berkerjasama di peringkat antarabangsa dalam semua hal termasuk, politik, budaya, ekonomi, keselamatan dan agama. Negara tidak boleh bergerak sendiri atau memencilkan diri daripada mempraktikkan kedua-dua sistem ini. Bagaimana mungkin kita mengadaptasi pemikiran negara yang berbeza tanpa memberi laluan kepada pemikiran yang bercorak liberal. Dapatan ini boleh dilihat pada contoh petikan temubual berikut,

“...pemikiran liberal ni sebahagian daripada arkitektur....”.

“...prinsip kita semua negara-negara moden semua mengamalkan liberal...”.

“...Tidak ada demokrasi tanpa pemikiran liberal. Ini yang membentuk sistem politik the government dibentangkan oleh dicadangkan oleh pemisahan judiciary, legislative dan executive...”.

“... Ini (liberal) adalah aspek moden yang yang kita bahkan negara kita ni asalkan dari sistem liberal pertamanya bila datang tu ada satu perlembagaan yang ada yang ada membataskan kuasa pemerintah...”.

Berkaitan dengan liberal dan liberalisme daripada perspektif agama dan teologi, analisa dapatan kajian menunjukkan terdapat dua aliran jawapan daripada informan yang ditemu bual. Pertama, kumpulan yang mengakui kaedah berfikir secara liberal ini wujud tetapi tidak bersetuju liberal ini dikaitkan dengan agama dan kedua, kumpulan yang mengakui berfikir secara liberal dan berpandangan kaedah liberal perlu dikaitkan dengan agama. Dapatan ini boleh dilihat pada contoh petikan temu bual berikut,

“...Saya tidak mahu timbulkan polemik tentang masalah-masalah tafsir Quran (liberal dalam agama), ...ya (walaupun) saya nak pemikiran liberal...”.

“...Saya ni liberal, bukan selalu liberal, saya bukan “Islam liberal” kawan-kawan saya (dalam kumpulan liberal) semua tu.

Saya liberal (tapi) tak selalu liberal...bukan liberal dalam semua perkara...”.

“...Bila isu agama tidak terkait dengan state, dia akan jadi makmur, dia jadi perkembangan yang baik. Contohnya apabila berlaku di Pulau Pinang, saya bagi contoh Pulau Pinang contoh yang baik, bila pergerakan Islam berlaku di negeri sekular pada kedudukan masa ini kita tak ada mufti, kita tak ada raja, kita tak ada apa and yes, Islam berkembang paling makmur ketika tak ada campur tangan state...”.

B. Sekularisme

Sekularisme pada satu sisi adalah perbincangan klasik yang telah selesai. Namun pada sisi lain, tema ini sentiasa relevan terutama apabila berbincang mengenai isu fahaman liberal berkontekstkan Malaysia. Contoh petikan temu bual di bawah adalah sebahagian daripada bukti perbincangan mengenai isu ini masih signifikan. Dua subtema telah dibentuk untuk mengenal pasti pemikiran ini dalam peserta temu bual iaitu, pertama, menolak autoriti agama dan kedua, memisahkan agama dengan urusan dunia. Contoh petikan tersebut adalah seperti berikut,

“...tiada konsep negara agama dalam Islam sebagaimana berlaku terhadap negara gereja di Barat sebelum tercetusnya Renaissance dahulu kala...”.

“...atas dasar inilah (campur tangan politik dan kepentingan peribadi dalam agama) berserta banyak lagi contoh, urusan agama dan negara hendaklah dibedakan supaya tidak berlaku percampuran dan pertindanan kuasa antara kedua-duanya hingga menyebabkan penyalahgunaan kuasa atas nama agama...”.

“...Saya liberal semua orang tahu dan saya sebelum G25 ni saya pergi kedai buku pak chong lah kawan saya juga and dia kata oh kenapa kamu tidak masuk G25 kamu liberal. Siapa mereka ni apa mereka buat untuk membangun pemikiran liberal saya menterjemah saya buat program buat seminar saya yang liberalnya...”.

C. Hak Asasi Manusia

Islam mengiktiraf hak asasi manusia. Tugas dan tanggungjawab menghormati maruah dan martabat manusia disebut berulang kali dalam al-Quran dan hadis. Antaranya, firman Allah dalam surah al-Tin (95) ayat 4 yang bermaksud “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).” Ayat ini menjelaskan betapa besar perhatian Allah SWT kepada manusia. Meskipun semua ciptaan Allah SWT itu adalah terbaik tetapi proses menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian disebut khusus oleh Allah SWT dalam surah ini. Perhatian dan inayah Allah ini adalah satu kurniaan besar kepada manusia walaupun dikenali sebagai makhluk yang banyak kelemahan dan penyelewengan daripada tujuan dijadikan. Dalam hal ini, terdapat beberapa perkara yang menjadi

perhatian mengenai hak asasi manusia dalam Islam oleh pemikir liberal khususnya daripada perspektif perundangan Islam di Malaysia. Menurut sebahagian daripada mereka, undang-undang Islam perlu mengutamakan kebebasan dan keperluan manusia. Mekanisme pelaksanaannya pula mesti berbeza apabila diketengahkan ke dalam masyarakat yang berbeza. Dalam mengukur keberadaan pemikiran ini pada pemikiran peserta sebanyak tiga subtema telah dibentuk iaitu, relativisme, hak kebebasan bersuara dan hak Kesaksamaan bertindak. Contoh petikan temu bual bagi menggambarkan perkara ini boleh dilihat seperti berikut,

“...Syariah perlu tidak melanggar hak asasi manusia sebagaimana yang digariskan dalam Maqasid Syariah dan Usul al-Fiqh...”

“...Article 3 (1) versus fundamental rights: The entire chapter on fundamental rights is being subjected to article 3(1). Specifically, freedom of religion of Muslims as well as non-Muslims is being subjected to article 3. Refer for example to the recent Herald decision (on the use of the word Allah by a Christian publication) in which Article 11 was subjected to Article 3...”

“...While Islam is used to justify discrimination against women and reverse the gains made in law reform, under civil law, women of other faiths are granted more and equal rights to men. The government seem to be loudly pronouncing that in the name of Islam, Muslim women are inferior and should be discriminated against and in the name of modernity, democracy and human rights, non-Muslim women should be treated as equals to men. How can this abuse of religion to justify discrimination against women be ever acceptable?”

“...For the last two decades, Shi’ites in Malaysia have come under increasing scrutiny by the religious authority. This scrutiny culminated recently in legal restrictions and the persecution of Malaysia Shi’ites minority...”

#### D. Agama dan Transformasi

Agama dan transformasi ini adalah topik paling popular dalam gerakan fahaman liberal di negara ini. Tema ini dibahaskan secara terbuka khususnya dalam isu yang membabitkan pertikaian kumpulan ini terhadap agensi-agensi Islam dan sistem perundangan Islam. Tiga subtema telah dibentuk melalui penelitian terhadap analisis liberal dan liberalisme dalam perpektif ini iaitu, tafsiran semula al-Quran (gesaan), bebas daripada kepercayaan dan ikatan tradisi, dan semakan semula sunnah sebagai sumber hukum. Contoh petikan di bawah boleh menentukan apakah kaedah pemikiran liberal ini memang wujud pada peserta yang ditemu bual atau sebaliknya. Contoh petikan adalah seperti berikut,

“...Pencarian Hermeneutical Muhammad Asad untuk mendedahkan makna kepada teks al-Quran terletak pada

pendapatnya bahawa al-Quran mengandungi unsur-unsur mitos yang tidak seharusnya diambil secara literal sebagai peristiwa sebenar di dalam sejarah...”

“...Apa yang perlu dilakukan oleh umat Islam adalah untuk melangkah ke belakang dan merenung bahan-bahan itu dengan mesej yang mendasari al-Quran seperti mana ia diwahyukan berserta etika dan ajaran sosialnya...”

“...Nurcholish Madjid atau Cak Nur pernah secara tuntas mengkritik kondisi yang dia lihat sebagai polemik kebuntuan dalam wacana keintelektualan gerakan Islam. Penyakit yang muncul akibat kebekuan fiqh lama supaya disesuaikan di dalam bentuk-bentuk baru...”

“...Jamaluddin al-Afghani merupakan antara tokoh pemikir yang terawal merasakan peri pentingnya kelompok intelektual perlu secara dalam mendepani wacana kritis dalam menentukan pemikiran dan perbuatan manusia. Malah lebih lanjut, al-Afghani menyatakan sifat pembekuan minda dan intelektual di kalangan ulama merupakan benih kemunduran paling utama di kalangan umat Islam...”

“...Setiap Muslim pastinya tahu bahawa Tuhan pernah mengingatkan menerusi surah Ali Imran, bahawa sesungguhnya agama yang diredhai Allah hanyalah Islam. Tetapi kepercayaan bahawa keredaan Tuhan hanyalah pada Islam merupakan kepercayaan yang seharusnya bersifat peribadi dalam diri setiap Muslim, tidak boleh dipaksakan kepada orang lain...”

“...Therefore, we come to conclusion that by ‘Islam’, the Quran refers to the universal principal of peace (salam in Quranic diction) and not the simply the Islam which was brought by Prophet Muhammad which is more localized to the context ancient Arabia. All religious group have a measure of this principle of peace and will be judged accordingly...”

## PERBINCANGAN

Interpretasi dapatan kajian ini ditulis berdasarkan tema dan sub tema yang dibentuk melalui analisa literatur mengenai liberal dan liberalisme daripada pelbagai sudut. Tanpa prejudis, pemilihan peserta temubual adalah daripada kalangan pemimpin yang sering bersuara “liberal” sama ada bagi pihak kerajaan, pihak bukan kerajaan atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Contoh-contoh yang dikemukakan dalam tulisan ini menunjukkan wujud pemikiran liberal atau fahaman liberal dalam kalangan peserta yang ditemu bual. Selain itu, sesi temubual juga menjelaskan, daripada gaya bahasa dan bahasa tubuh semasa ditemu bual, kita dapati sebahagian besar daripada mereka menzahirkan pemikiran tersebut sebagai respons terhadap apa yang berlaku dalam negara khususnya yang berkaitan agensi-agensi yang menjaga Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri bukan zat Islam itu sendiri. Dalam hal ini, sukar untuk



ditentukan apakah pemikiran liberal mereka ini berlaku atas asas kefahaman mereka tentang idea liberalisme atau sebaliknya. Kecuali beberapa informan yang jika tidak melalui sesi temu bual ini pun (seperti kumpulan Sister in Islam (SiS) dan G25), mereka lantang bersuara menuntut hak mengikut terminologi liberal daripada kerajaan dalam semua aspek sehingga ke hari ini. Faktor ini ditambah pula dengan latar belakang pendidikan sebahagian daripada mereka yang bukan daripada kalangan pengajian Islam dan persekitaran didikan mereka adalah di Barat.

Hasil analisa dapatan kajian juga menunjukkan terdapat empat kelompok pemikir liberal yang wujud di negara ini. Pertama, pemikir Liberal Tegar (LIAR). Kelompok ini berfikir secara liberal, mengetahui tentang liberalisme, mempertahankan liberalisme, berniat menyebarkan fahaman liberal, memaksa masyarakat menerima fahaman liberal dan memusuhi kelompok antiliberal. Kedua, Liberal Awam (AWAM). Kelompok ini terdiri daripada dua bentuk, pertama, mereka yang tidak memahami liberalisme dan kedua, mereka yang ada pengetahuan tentang liberalisme. Kelompok kedua ini berfikir secara liberal, ada pengetahuan tentang Islam, mempraktikkan ajaran Islam, tidak berniat menyebarkan fahaman liberal (liberalisme), tidak memusuhi kelompok liberal yang pertama, tidak memusuhi kelompok antiliberal dan fleksibel dengan hukum Islam. Ketiga, Liberal Khas (LEKAS). Kelompok ini berlatarbelakangkan lulusan agama, kuat mempertahankan tradisi, ada pengetahuan tentang liberalisme, tidak antipemikiran liberal tetapi kritis terhadap liberalisme, menyantuni kelompok pertama dan kedua melalui metode perbincangan ilmiah berasaskan prinsip Maqasid Syariah. Keempat, kelompok Anti Liberal dan Liberalisme (LIHAT). Ciri-ciri kelompok ini adalah menentang semua ciri-ciri yang terdapat pada tiga kelompok pemikir liberal di atas. Terdiri daripada pelbagai latar belakang, ada pengetahuan tentang Islam, anti apa jua bentuk pemikiran liberal, keras terhadap pemikir liberal dan memusuhi liberalisme secara ekstrem.

Jelasnya, falsafah dan pemikiran liberal ini telah meresap masuk secara *explicit* dan *implicit* dalam pemikiran masyarakat Islam di Malaysia sehingga menimbulkan ketidak harmonian dalam proses dan kerukunan beragama. Lebih merbahaya, pemikir liberal kelompok pertama yang disebutkan tadi terdiri daripada pendukung aliran sekular, menerima pendidikan sekular hidup dalam persekitaran sekular

dan memaksa penerapan nilai-nilai sekular-liberal ini secara konsisten kepada masyarakat. Mereka mungkin ada pengetahuan tentang perundangan Islam di Malaysia tetapi mereka tidak memiliki latar belakang pengajian Islam yang benar dan menyeluruh sama ada daripada aspek akidah, syariah dan akhlak.

## KESIMPULAN

Hakikat yang perlu kita akui adalah, dalam masyarakat *heterogeneous* di Malaysia, pemikiran sekularisme sudah meresap masuk pada semua peringkat pemikiran. Mereka yang melaungkan sikap anti sekular pun adakalanya dilabel sebagai sekular. Begitu juga dengan liberal. Mereka yang sering meletakkan tuduhan liberal pun ada kalanya berfikir secara liberal. Kecuali yang sudah jelas sebagai dasar agama, sangat sukar untuk kita membezakan bahagian hidup kita yang mana tidak disekular dan diliberalkan. Persekitaran juga memainkan peranan. Pemikiran masyarakat Islam di Malaysia adalah berbeza dengan pandangan masyarakat Islam yang berada di United Kingdom. Kejiranan yang terdiri daripada pelbagai kaum adalah berbeza dengan kejiranan yang terdiri daripada satu kaum. Begitu juga dengan kehidupan di Institusi Pengajian Tinggi. Persekitaran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) lebih terbuka berbanding Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atau Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Contoh lain, aplikasi media sosial misalnya. Kegemaran sesetengah masyarakat memuat naik atau berkongsi hal-hal peribadi seperti kecantikan, kegemaran, tingkah laku dan lain-lain mengundang interpretasi yang pelbagai daripada pengguna-pengguna internet atau netizen beragama Islam. Dalam hal ini, prinsip-prinsip tradisi ada kalanya ditafsirkan secara terbuka oleh mereka tanpa merujuk kepada pandangan agamawan atau pihak berkuasa agama. Jika diteliti, sikap ini adalah sebahagian daripada apa yang diperjuangkan oleh fahaman liberal.

Jelasnya adalah suatu yang sukar untuk kita meletak satu batasan kepada apa yang boleh dan apa yang tidak boleh mengenai fahaman ini. Kesukaran ini sepatutnya menjadikan mekanisme untuk memperkukuhkan akidah Ahli Sunah Waljamaah masyarakat Islam di Malaysia lebih kompetitif, kolektif, strategis dan sistematik. Dalam konteks negara Malaysia, meletakkan seseorang dengan label liberal sepatutnya menjadi pilihan yang terakhir. Kita bimbang jika pelabelan ini berterusan tanpa

kawalan kita akan termasuk dalam maksud firman Allah SWT dalam surah al-Anam ayat 108 seperti yang telah disebutkan pada permulaan tulisan ini. Memaksa orang lain menerima pemikiran dan interpretasi kita terhadap satu perkara secara keras atau atau pelabelan tanpa justifikasi yang betul dan benar adalah termasuk dalam ciri-ciri ekstremisme, buah besar daripada fahaman liberal ini. Apa yang perlu kita lakukan adalah, tangani isu ini secara bersama. Berusaha bersama-sama memahami terma-terma ini secara kolektif. Manfaatkan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Negara. Aplikasi dan kuat kuasa semua ruang yang ada dalam sistem perundangan negara. Agenda Barat lazimnya datang secara pakej dan adakalanya bersama tajaan-tajaan tertentu. Berhati-hati ketika menerima bantuan. Derma yang besar selalu ada agenda di sebaliknya. Kita boleh melihat penaja-penaja yang hebat akan menangguk tajaan mereka kerana objektif yang kita rangka berbeza dengan agenda mereka. Pemikiran liberal ini ada pada semua tahap manusia bukan hanya pemimpin dan berada di mana-mana dan pada semua agama.

#### PENGHARGAAN

Penghargaan dan terima kasih kepada Univerisiti Kebangsaan Malaysia kerana memperuntukkan geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Dana Cabaran Perdana DCP-2017-009/3 dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan kerana sumbangan dalam penyelidikan ini.

#### RUJUKAN

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2013. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Abbas Mansur Tammam. 2016. Pengaruh orientalis terhadap liberalisasi pemikiran Islam. *Journal KALIMAH* 14(1): 1-12.
- Ahmad Munawar Ismail, Wan Kamal Mujani & Zaizul Ab. Rahman. 2018. An overview of human nature (fitrah) and liberalisme in Islamic perspective. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)* 9(11): 415-424
- Ahmad Munawar Ismail, Wan Kamal Mujani & Zaizul Ab. Rahman. 2018. Liberalism, extremism and media in the era of convergence. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)* 9(10): 831-840.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. 1400H. *al-Jami' al-Sahih*. Kaherah: Matba'ah al-Salafiyah wa Maktabatuha.
- Andian Husaini. 2006. *Islam Liberal: Sejarah, Konsep, Penyimpangan dan Jawapannya*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Angel Rabasa. 2007. *New World Disorder Different Types of Ungoverned Territories*.
- Asaf A. A. Fyze. 1959. The reinterpretation of Islam. *University of Malaya Law Review* 1(1): 39-57. Singapore: National University of Singapore (Faculty of Law) <https://www.jstor.org/stable/24874699>
- Asri Zainul Abidin, Adrin Armas MA, Fauzi Deraman & Mohd Kamil Abd Majid. 2006. *Islam Liberal Tafsiran Agama yang Kian Terpesong*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Ayoub, Mohammad. 1984. *The Quran and its Interpreters*. Jilid 1. Albany: State University of New York Press.
- Blackburn, Simon. 1996. *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford New York: Oxford University Press.
- Charles Kurzman. 2003. *Wacana Islam Liberal: Pemikiran Islam Kontemporer tentang Isu-isu Global*. Jakarta: Paramadina.
- Coady, J., & Huckin, T. 1997. *Second Language Vocabulary Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ensiklopedia Britannica, Disember 2016. <https://global.britannica.com/topic/liberalism>.
- Huntington, S. P. 1997. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Touchtone Rockefeller Centre.
- Ibrahim Abu Rabi'. 1994. A Note on Some Recent Western Writing on Islamic Resurgence. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 11(3): 420.
- Leornard Binder. 1988. *Islamic Liberalisme*. University of Chicago Press.
- Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar. 2011. Mengenal pemikiran Islam liberal. *Jurnal Substantia* 14(1): 179-198.
- Manent, P. 1995. *An Intellectual History of Liberalism*. Princeton University Press: New Jersey.
- Oxford Dictionaries, Ogos 2018. <https://en.oxforddictionaries.com/definition/liberal>. Oxford University Press.
- Oxford Dictionary of Philosophy. 2001. New York and Oxford: Oxford University Press.
- Ridha Aida. 2005. Liberalisme dan komunitarianisme konsep tentang individu dan komunita. *Jurnal Demokrasi*. IV(2): 1-12.
- Seyyed Hossein Nasr. 1988. *Traditional Islam in the Modern World*. Kuala Lumpur: Foundation of Tradisional Studies.
- Wan Adli Wan Ramli. 2012. *Bahaya liberalisme dan pluralisme agama terhadap akidah belia muslim*. Johor Bahru: Master Gift Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa, Mohd Nasir Omar, Siti Rugayah Tibek, Wan Sabri Wan Yusof, Mashitoh Yaakob, Latifah Abdul Majid dan Ahmad Munawar Ismail. 2018.

Laporan Akhir Kajian Pengaruh Aliran Pemikiran  
Islam Liberal dan Pluralisme di Malaysia. Putrajaya:  
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Ahmad Munawar Ismail  
Pusat Akidah dan Keamanan Global  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor.  
munawar@ukm.edu.my

Profesor Emeritus Dato' Paduka Zakaria Stapa  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
karia@ukm.edu.my

